A

Chiam Nguang Huat lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO P-05(H)-185–06 TAHUN 2016
MOHTARUDIN BAKI, YAACOB MD SAM DAN ABDUL KARIM HHMR
14 MEI 2018

C

Tatacara Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh disabitkan kesalahan membunuh — Tertuduh dijatuhkan hukuman mati — Tertuduh membakar isterinya — Sama ada pembelaan kemalangan boleh diterima — Sama ada mahkamah bicara betul dalam
D *menerima keterangan kanak-kanak — Sama ada si mati meninggal dunia akibat terbakar — Sama ada sabitan bawah s 302 Kanun Keseksaan dan hukuman yang dijatuhkan selamat — Sama ada wajar diketepikan*

E Perayu dituduh di Mahkamah Tinggi atas kesalahan membunuh isterinya ('si mati'), satu kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Pada hari kejadian, perayu keluar bersama-sama anaknya ('SP2'), membawa sebiji botol kosong lalu mengisinya dengan minyak petrol dan kemudian pulang ke rumah. Apabila berlaku pergaduhan antara perayu dengan si mati, perayu
F menyimbah minyak petrol tersebut atas si mati dan membaling rokok yang dihisapnya. Api menyambar dan membakar badan si mati. SP2 mengambil air dan cuba memadamkan api tetapi gagal. Si mati dikejarkan ke hospital dan meninggal dunia beberapa hari kemudian. Ahli patologi ('SP7') mengesahkan si mati meninggal dunia akibat jangkitan selepas terbakar. Berpuas hati pihak
G pendakwaan telah membuktikan kes prima facie, perayu dipanggil membela diri. Dalam pembelaannya, perayu menyatakan dia membeli minyak petrol untuk membunuh diri sendiri kerana perniagaannya gagal. Ketika perayu menghisap rokok dan memegang botol minyak petrol, si mati cuba merampasnya dan berlaku pergelutan. Minyak petrol tersimbah keluar
H mengenai badan perayu dan si mati dan tiba-tiba api menyambar perayu dan si mati. Perayu menafikan membunuh si mati. Pada penutup perbicaraan, hakim bicara memutuskan pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Perayu disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang timbul adalah: (a) sama ada
I hakim bicara mematuhi s 133A Akta Keterangan 1950 ('Akta') apabila menerima keterangan kanak-kanak iaitu anak-anak si mati, SP1 dan SP2; (b) sama ada hakim bicara memberi pertimbangan wajar terhadap kes pembelaan perayu; dan (c) sama ada keterangan SP7 cukup untuk kesalahan membunuh di bawah s 300(c) KK.

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan:

(1) Perayu menghujahkan penghakiman hakim bicara tidak disokong nota keterangan dan tiada keterangan yang menunjukkan hakim bicara melakukan pemeriksaan lisan tentang tahap kecerdikan SP1 dan SP2. Hujahan ini ditolak kerana tidak bermerit. Dapatan hakim bicara adalah betul. Seksyen 133A Akta telah dipatuhi tetapi tidak ditaip dalam nota keterangan (lihat perenggan 8).

(2) Hakim bicara telah memberi pertimbangan pada pembelaan perayu. Dalam pemeriksaan balas terhadap SP1 dan SP2 juga, tidak dicadangkan pada mereka tentang pergelutan antara perayu dan si mati untuk menimbulkan pembelaan kemalangan. Hakim bicara mempunyai kelebihan 'audio-visual' dalam menilai kredibiliti saksi-saksi. Tiada sebab untuk mengganggu dapatan ini (lihat perenggan 17–18).

(3) Keterangan SP7 jelas tidak konklusif. Sabitan dan hukuman hakim bicara bawah s 302 KK diketepikan kerana tidak selamat dan digantikan dengan sabitan bawah s 304(a) KK. Perayu dijatuhkan hukuman penjara 20 tahun (lihat perenggan 27 & 29).

[English summary

The appellant was charged at the High Court for the murder of his wife ('the deceased'), an offence under s 302 of the Penal Code ('the PC'). On the day of the incident, the appellant went out with his son ('SP2'), carrying an empty bottle and filled it with petrol fuel and later headed went home. When a dispute ensued between the appellant and the deceased, the appellant splashed the petrol fuel on the deceased and threw the cigarette which he was smoking. The fire caught and burned the deceased's body. SP2 took some water and tried to extinguish the fire but to no avail. The deceased was rushed to the hospital and died several days later. The pathologist ('SP7') confirmed that the deceased died of an infection following the burns. Satisfied that the prosecution had proven a prima facie case, the appellant was called to enter his defence. In his defence, the appellant submitted that he bought the petrol fuel to commit suicide as his business had failed. When the appellant was smoking a cigarette and holding the bottle containing the petrol fuel, the deceased tried to snatch it from him and there was a scuffle. The petrol fuel spilt out on the body of the appellant and the deceased and suddenly the fire caught the appellant and the deceased. The appellant denied murdering the deceased. At the conclusion of the trial, the judge held that the defence failed to cast a reasonable doubt on the prosecution's case. The appellant was convicted for the offense and sentenced to death. Hence, this appeal. The issues that arose were: (a) whether the trial judge complied with s 133A of the Evidence Act 1950 ('the Act') in admitting the evidence of the children, namely the children of the deceased, SP1 and SP2; (b) whether the trial judge gave due consideration to the appellant's defence;

and (c) whether the SP7's evidence was sufficient for the offence of murder under s 300(c) of the PC.

Held, allowing the appeal in part:

(1) The appellant argued that the trial judge's judgment was not supported by notes of evidence and there was no evidence that the judge conducted an oral examination on the level of intelligence of SP1 and SP2. This argument was rejected as it bore no merit. The trial judge's findings were correct. Section 133A of the Act was complied with but not typed in the notes of evidence (see para 8).

(2) The trial judge had considered the appellant's defence. Furthermore, in the cross-examination against SP1 and SP2, it was not put to them about the scuffle between the appellant and the deceased which raised the defence of accident. The trial judge had an audio-visual advantage in assessing the credibility of the witnesses. There was no reason to disturb this finding (see paras 17–18).

(3) SP7's evidence was clearly inconclusive. The conviction and sentences by trial judge under s 302 of the PC was set aside as they were not safe and substituted with a conviction under s 304(a) of the PC. The appellant was sentenced to 20 years' imprisonment (see paras 27 & 29).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Cheong Kam Kuen v PP [2013] 1 MLJ 15; [2013] 2 MLRA 1, MP (dirujuk)
Loh Yoon Fatt v PP [2014] 6 MLJ 547, MR (dibeza)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174, MP (dirujuk)
Yusaini bin Mat Adam v PP [1999] 3 MLJ 582, MT (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 133A
Kanun Keseksaan ss 300(a), (c), (d), 302, 304(a)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B–28–10 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang)

Y Anbananthan (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak perayu.
Muhamad Azmi bin Mashud (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Mohtarudin Baki HMR:

[1] Perayu telah dituduh:

> Bahawa kamu pada 24.6.2013, jam lebih kurang 4.00 petang, di rumah No 59 Jalan Bayu Mutiara 4, Taman Bayu Mutiara, di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas Lai Siew Fong (P) (No KP: 770926–07–5024). Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. (Rujuk ms 2 RR *Jld* 3)

[2] Di akhir perbicaraan, hakim bicara telah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman mati mandatori di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[3] Kami telah mendengar rayuan perayu dan memutuskan sebulat suara bahawa rayuan dibenarkan sebahagian. Sabitan dan hukuman Hakim bicara di bawah kesalahan s 302 Kanun Keseksaan telah diketepikan dan menggantikannya dengan sabitan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Setelah mendengar rayuan meringan dan memberatkan hukuman, kami juga sebulat suara menjatuhkan hukuman penjara selama 20 tahun berkuat kuasa dari tarikh tangkapan.

[4] Fakta kes:

(a) si mati telah berkahwin dengan perayu dan dikurniakan dua orang anak iaitu SP1 yang berumur lapan tahun dan SP2 berumur 12 tahun. Tiga laporan polis telah dibuat oleh si mati sebelum kejadian kerana perayu sering memukul si mati;

(b) ibu si mati ('SP9') menyatakan apabila si mati dipukul perayu, si mati telah datang ke rumah SP9 dan SP9 ada melihat bengkak, cedera dan pendarahan di muka si mati dan perkara ini telah banyak kali berlaku;

(c) SP13 iaitu abang perayu juga menyatakan lebih kurang dua tahun sebelum kejadian, dia ada menjamin perayu dalam satu kes perayu bergaduh dengan si mati. Antara punca pergaduhan adalah berhubung isu kewangan dan pekerjaan perayu sebagai pemberi pinjaman tanpa lesen 'Ah Long';

(d) pada 24 Jun 2013, si mati dan anak bongsunya SP1, berada di rumah SP9 dan kemudian pulang ke rumah mereka semula setelah perayu menelefon dan memarahi si mati;

(e) pada hari yang sama, perayu dan anak sulungnya SP2, keluar makan dengan menaiki motosikal dan perayu membawa sebiji botol plastik minyak yang kosong. Setelah makan, perayu membawa SP2 ke stesen

minyak membeli dan mengisi botol kosong tersebut dengan minyak petrol dan kemudian pulang ke rumah;

(f) apabila sampai di rumah, berlaku pergaduhan antara si mati dan perayu di ruang tamu. Perayu telah menyimbah minyak petrol ke atas si mati dan perayu seterusnya membaling rokok yang dihisapnya ke lantai dan menyebabkan api menyambar badan si mati hingga terbakar. Si mati telah jatuh ke lantai di ruang tamu;

(g) SP2 mengambil air di tandas dan cuba memadamkan api pada badan si mati. Kebakaran pada badan si mati menurut SP2 adalah agak lama;

(h) setelah api dipadamkan, perayu, SP1 dan SP2 membawa si mati ke sebuah klinik perubatan. Doktor di klinik meminta perayu menghantar si mati ke Hospital Bukit Mertajam;

(i) dalam perjalanan ke hospital, kenderaan perayu yang dipandu laju telah dilihat oleh abang perayu ('SP13') dan SP13 diberitahu oleh perayu bahawa dia hendak ke hospital dan akan berjumpa SP13 di rumah SP13;

(j) setelah si mati dihantar ke hospital, perayu membawa SP1 dan SP2 ke rumah SP13 dan tiba di situ lebih kurang jam 3.30 petang;

(k) SP13 memujuk perayu supaya pergi ke klinik di Kg Benggali Butterworth setelah melihat kesan terbakar di badan Perayu, walaupun pada mulanya perayu enggan. Setelah mendapat rawatan, perayu dan SP13 berehat di sebuah tokong dan perayu memberitahu kepada SP13 dia ingin berjumpa kawannya dan beredar dari situ;

(l) perayu tidak pulang ke rumah SP13 setelah dua atau tiga minggu, perayu ada menelefon SP13 tetapi tidak menyatakan di mana lokasinya;

(m) anak perayu ('SP1' dan 'SP2') ditempatkan di rumah SP9. SP1 memberitahu SP9 bahawa perayu menyimbah si mati dengan minyak dan membakar si mati;

(n) pada 24 Jun 2013, si mati telah dipindahkan dari Hospital Bukit Mertajam ke Hospital Pulau Pinang. Dr Siew Gee Ho ('SP15') mengatakan keadaan si mati adalah kritikal, memerlukan bantuan mesin pernafasan dan alat 'fluid resuscitation'. Si mati meninggal pada 2 Ogos 2013 dan bedah siasat oleh Pathologist ('SP7') menunjukkan punca kematian adalah 'sepsis with multi — organ failure due to severe burns'. SP7 menjelaskan 'sepsis' adalah jangkitan selepas berlaku kebakaran. SP7 juga menjelaskan apabila berlaku kebakaran 50% hingga 60% pada badan manusia, kebiasaannya akan membawa kepada kematian;

(o) keterangan forensik menunjukkan terdapat DNA perayu pada puntong rokok yang dirampas di tempat kejadian; dan

(p) pada 17 Februari 2014, perayu telah ditangkap.

[5] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa intipati pertuduhan telah dibuktikan sebagai kes prima facie. Justeru pembelaan perayu dipanggil (rujuk alasan penghakiman hakim bicara ms 13–21 RR *Jld* 1).

[6] Pembelaan perayu:

Perayu telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi dan keterangan perayu adalah seperti berikut:

(a) perayu telah diisytiharkan bankrap. Justeru mendaftarkan tiga buah rumah yang dibeli oleh perayu atas nama si mati, perayu juga menyerahkan semua pendapatannya sebagai 'Ah Long' kepada si mati. Sekiranya memerlukan wang perayu akan meminta kepada si mati. Malangnya kadang-kadang si mati memberinya wang dan kadangkala tidak;

(b) perayu telah meminjam wang daripada kawannya berjumlah RM10,000 kerana berjudi di Genting Highland;

(c) pada 24 Jun 2013, perayu ada menelefon si mati yang berada di rumah SP9 dan meminta RM10,000 untuk membayar hutang namun si mati enggan memberikan wang dan meminta perayu 'fikir sendiri' dan 'pergi mati'. Selepas itu, si mati tidak dapat dihubungi kerana telefonnya ditutup;

(d) perayu membawa SP2 makan di luar dan membeli minyak petrol dan bercadang membunuh diri kerana perniagaannya gagal dan semua wang telah diserahkan kepada si mati;

(e) perayu kemudiannya pulang ke rumah sambil menghisap rokok dan melihat anak bongsunya sedang tidor di atas sofa, sementara si mati juga duduk di atas sofa di ruang tamu. Selepas itu SP1 bangun dan naik bersama SP2 ke tingkat atas;

(f) ketika perayu menghisap rokok dan memegang botol minyak petrol yang dibuka penutupnya, perayu bertanya si mati, sama ada benarkah dia ingin melihat perayu mati dan jika benar perayu akan mati di hadapan si mati;

(g) si mati menuju kepada perayu dan merampas minyak petrol yang dipegang perayu dan ketika berlaku pergelutan, minyak petrol tersimbah keluar mengenai badan perayu dan si mati, tiba-tiba api telah menyambar perayu dan si mati. Si mati jatuh di atas lantai. perayu pula terus duduk di atas lantai untuk menyelamatkan dirinya dengan memadamkan api di tangan;

(h) perayu mengambil tuala dari bilik mandi dan memadamkan api pada badan si mati. SP1 dan SP2 ada di tingkat atas rumahnya;

(i) perayu membawa si mati ke sebuah klinik di Desa Damai menaiki kereta bersama-sama SP1 dan SP2. Atas nasihat doktor klinik tersebut, perayu membawa si mati ke Hospital Bukit Mertajam;

(j) dalam perjalanan ke hospital, perayu telah terserempak dengan sebuah ambulan. Perayu diminta untuk mengekori ambulan tersebut ke hospital kerana ambulan tersebut sedang membawa pesakit lain ke hospital;

(k) dalam perjalanan ke hospital juga, SP13 iaitu abang perayu ada menelefonnya dan perayu memaklumkan dalam perjalanan ke hospital dan akan ke rumah SP13. Di rumah SP13, SP13 bertanya mengenai si mati dan perayu menyatakan si mati berada di hospital dan apabila ditanya mengapa, perayu tidak memberikan jawapan kerana berada dalam keadaan sakit;

(l) kemudian SP13 dan perayu ke klinik untuk perayu mendapatkan rawatan dan selepas itu mereka ke tokong;

(m) perayu meninggalkan SP13 di tokong untuk meminjam wang daripada kawannya 'Hock Kia' kemudian ke stesen bas membeli tiket ke Kuala Lumpur. Perayu tidak memberitahu SP13 ke mana dia pergi. Perayu ke Kepong, Kuala Lumpur dan menyewa bilik. Perayu ke Kuala Lumpur kerana takut penjelasannya tidak dipercayai oleh orang lain antaranya perayu ingin membunuh diri;

(n) perayu tidak berjumpa anak-anak dan isteri kerana kecederaan di tubuh masih belum pulih;

(o) perayu menafikan membunuh si mati malah mencintai si mati;

(p) perayu menafikan dia menyimbah minyak petrol ke badan si mati dan membaling puntong rokok ke lantai tetapi kebakaran berlaku kerana tidak sengaja; dan

(q) pembelaan juga memanggil kakak ipar perayu iaitu SD2. Keterangan SD2 menyatakan bahawa semasa SP1 dan SP2 berada dalam rumahnya, mereka dalam keadaan biasa dan SD2 tidak bertanya kejadian yang berlaku.

[7] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (rujuk alasan penghakiman hakim bicara ms 25–30 RR *Jld* 1). Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati.

[8] Isu-isu rayuan di hadapan kami:

(a) hakim bicara gagal mematuhi s 133A Akta Keterangan 1950 apabila menerima keterangan kanak-kanak iaitu SP1 dan SP2;

(b) hakim bicara gagal untuk memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap kes pembelaan perayu; dan

(c) keterangan ahli Pathologist ('SP7') adalah tidak mencukupi untuk kesalahan membunuh di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan.

Isu pertama: Mengenai 'child evidence of tender years' di bawah s 133A Akta Keterangan 1950

[9] Penghakiman bertulis hakim bicara di perenggan 44 ms 19 RR *Jld* 1 menyatakan:

> Saya mengambil maklum bahawa SP1 dan SP2 masing-masing adalah kanak-kanak dan mereka merupakan saksi-saksi utama pihak pendakwaan kerana telah melihat sendiri kejadian yang berlaku. Sehubungan itu, saya telah memeriksa kedua-dua mereka sebelum mereka memberi keterangan melalui soalan-soalan dan jawapan yang mereka berikan di mahkamah. Hasil pemeriksaan yang dibuat, saya mendapati kedua-dua SP1 dan SP2 mempunyai kecerdikan yang mencukupi dan memahami keperluan bercakap benar di mahkamah bagi maksud menerimaan keterangan SP1 dan SP2 menurut kehendak seksyen 133A Akta Keterangan 1950.

[10] Peguam perayu yang bijaksana berhujah bahawa penghakiman hakim bicara di perenggan 44 ms 19 RR *Jld* 1 tidak disokong oleh nota keterangan. Tidak ada sebarang keterangan untuk menunjukkan hakim bicara telah menjalankan pemeriksaan lisan mengenai tahap kecerdikan pemikiran SP1 dan SP2.

[11] Peguam perayu telah membawa perhatian kami kepada kes *Yusaini bin Mat Adam v Public Prosecutor* [1999] 3 MLJ 582 di mana hakim Mahkamah Tinggi KC Vohrah menyatakan di ms 586 perenggan E seperti berikut:

> On the failure of the session court judge to follow the procedure in s 133A of the Evidence Act 1950, the conviction should be set aside.

[12] Kami menolak hujah ini. Kes *Yusaini* tersebut diputuskan pada 1999 di mana sistem 'CRT' belum dilaksanakan di mahkamah. Pada awalnya kami berhasrat untuk mendapatkan salinan cakera padat CRT isu berkaitan tetapi apabila meneliti RR di ms 23 *Jld* 4 iaitu hujah bertulis peguambela perayu sendiri ketika itu:

> 2. Kemudian pihak pendakwaraya telah memanggil SP1 dan telah menguji standard pemahaman beliau, beberapa soalan telah dikemukakan kepada SP1 dalam menentukan sama ada prasyarat s 133A Akta Keterangan 1950 dipenuhi.

Manakala di muka surat 26 Rekod Rayuan Jilid yang sama, Peguam Perayu menulis:

(i) Pihak Pendakwaraya telah memanggil SP2 dan telah menguji standard pemahaman beliau (dengan) beberapa soalan telah dikemukakan kepada SP2 dalam menentukan sama ada prasyarat seksyen 133A Akta Keterangan 1950 dipenuhi.

(ii) Setelah itu mahkamah kata SP2 boleh menjawab secara rasional lalu SP2 beri keterangan bersumpah dalam Bahasa Mandarin.

[13] Walaupun terdapat beberapa kesilapan taip, kami sebulat suara berpendapat bahawa hujah peguam perayu dalam isu ini tidak mempunyai merit. Kami bersependapat bahawa dapatan hakim bicara di dalam alasan penghakiman beliau perenggan 44 ms 19 RR *Jld* 1 adalah betul. Sebenarnya s 133A Akta Keterangan 1950 telah dipatuhi. Cuma ianya tidak ditaip di dalam nota keterangan.

Isu kedua: Pembelaan perayu tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim bicara

[14] Pembelaan perayu bahawa beliau membeli petrol untuk membunuh diri. Semasa perayu memegang botol berisi petrol yang telah dibuka penutupnya sambil menghisap rokok bertanya kepada si mati sama ada si mati ingin melihat perayu mati, jika benar, perayu akan membunuh diri di hadapan si mati. Si mati meluru ke arah perayu cuba merampas botol berisi petrol tersebut. Berlaku pergelutan, mereka berdua jatuh ke lantai dan petrol tersimbah kepada badan si mati lalu terbakar. Perayu mengalami kecederaan kebakaran di tangan. Dengan kata lain pembelaan 'kemalangan' ditimbulkan.

[15] Selepas itu perayu cuba memadamkan kebakaran di badan si mati. Seterusnya perayu telah membawa si mati ke klinik perubatan dan kemudiannya ke hospital untuk menyelamatkan si mati. Menurut hujah peguam, versi perayu membawa si mati dan dua orang anaknya (SP1 dan SP2) dan kemudiannya ke hospital disokong oleh keterangan SP1, SP2 dan SP13 iaitu abang kepada perayu sendiri, menunjukkan tingkah laku (*conduct*) perayu tiada niat untuk membunuh si mati.

[16] Kami telah meneliti semula penghakiman hakim bicara dalam perkara ini terutamanya di perenggan 50 hingga perenggan 68 di mana hakim bicara telah memberi pertimbangan kepada pembelaan perayu. Hakim bicara memberi alasan mengapa beliau menolak pembelaan perayu.

[17] Kami telah meneliti keterangan SP1 dan SP2 di ms 2–11 RR *Jld* 2 terutamanya semasa pemeriksaan balas. Kami dapati tidak ada dicadangkan

kepada SP1 atau SP2 mengenai pergelutan antara perayu dan si mati untuk menimbulkan pembelaan kemalangan seperti yang dihujahkan oleh peguam perayu.

[18] Hakim bicara mempunyai kelebihan 'audio-visual advantage' dalam menilai kredibiliti saksi-saksi terutamanya SP1, SP2 dan SP9 berbanding kredibiliti perayu. Kami tiada sebab untuk mengganggu dapatan tersebut. Kami sebulat suara menolak isu ini.

Isu ketiga: Keterangan ahli Pathologist ('SP7') tidak cukup untuk mensabitkan perayu di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan untuk kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan tetapi hanya cukup untuk kesalahan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[19] Peguam perayu telah membawa perhatian kami kepada keterangan ahli Pathologist ('SP7') di ms 35–36 RR *Jld* 2 seperti berikut:

SP7: The chances of survival are there, but in this particulars case ...

P/B: Do you agree with me that you sign a post mortem report for this case?

SP7: Yes

P/B: That's only my question.

TPR: Yang Arif, witness statement is not marked yet?

Mah: *has already been marked as Witness Statement — P7A*

Just now you answer the question by the learned council, you say that there is chances to survive, but then you stop ...

P/B: He agree Yang Arif

Mah: ... in this particular case

TPR: Can you please elaborate on that?

SP7: Yes Yang Arif, this particulars case the extent of the burns was about 55%, and normally about 50% to 60% of burns sexist cases circum to death, so that's why I am say that was chances of survival in this particulars case.

Mah: Normally 50–60%?

SP7: 50%–60%.

SP7: I think this is very clinical question and I think it would be better answered by specialist who are dealings with burns.

[20] Peguam perayu terpelajar berhujah adalah jelas SP7 tidak dapat memberi pendapat pakar sama ada kecederaan yang dialami oleh si mati 'likely

to cause death or such bodily injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death' seperti yang ditetapkan di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan bagi tujuan sabitan di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

[21] Peguam perayu telah merujuk kes tersohor iaitu *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 di mana diputuskan di ms 175 perenggan G–H:

> The pathologist testified that in his opinion the probable cause of death was multiple injuries leading to shock and haemorrhage. On the question whether the appellants intended to cause such bodily injuries as they knew to be likely to cause death or such as is sufficient in the ordinary course of nature to cause death, the medical witness should have been asked to give his opinion on the nature of the injuries and its likely and natural effects, but in this respect his evidence is silent.

[22] Seterusnya peguam perayu yang bijaksana mengulangi hujah bahawa perayu dalam pembelaannya di ms 157–159 RR *Jld* 2 menyatakan bahawa perayu telah membawa si mati dan dua orang anaknya ('SP1' dan 'SP2') untuk mendapatkan rawatan di sebuah klinik untuk si mati. Atas nasihat doktor klinik tersebut, perayu telah membawa si mati ke Hospital Bukit Mertajam. Perayu telah membawa dengan laju motokar yang dipandunya sehingga tidak mematuhi lampu isyarat. Perayu telah terserempak dengan sebuah ambulan yang sedang membawa pesakit ke hospital. Perayu disuruh mengikuti ambulan tersebut ke hospital. Apabila tiba di hospital, perayu membawa si mati untuk berjumpa doktor kecemasan. Tingkah laku (*conduct*) perayu tersebut adalah selari (*consistent*) dengan hujah bahawa perayu tiada niat membunuh.

[23] Keterangan perayu disokong oleh keterangan dua orang anaknya (SP1 dan SP2) bahawa perayu telah membawa si mati ke klinik seterusnya ke hospital (rujuk ms 3–5 RR *Jld* 2).

[24] Timbalan pendakwa raya ('TPR') pula berhujah bahawa perayu sememangnya berniat untuk membunuh si mati. TPR bergantung kepada s 300(a), (c) dan (d) Kanun Keseksaan. Perbuatan perayu menyimbah petrol ke badan si mati dan membaling puntung rokok yang bernyala ke arah si mati sudah cukup bagi perayu mengetahui kecederaan kebakaran akan berlaku yang pada lazimnya boleh menyebabkan kematian.

[25] TPR yang bijaksana telah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Loh Yoon Fatt v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 547 seperti berikut:

> [15] On the argument of learned counsel to the effect that the injury caused by the appellant in itself ie fracture to the skull, was not fatal, the consultant forensic pathologist, Dato' Dr Bhupinder Singh ('PW13') testified that the cause of the deceased's death was severe head injury due to blunt trauma to the head. The material part of his evidence is as follows:

Any blunt weapon which could be heavy in nature could have resulted in such injuries. A

Timbalan Pendakwa Raya: Is one blow of such blunt weapon sufficient to cause such injury?

SP13 — Yes it is possible. I would not be able to say how deep the head injury is because this is not a penetrating wound. B

The head injury sustained by the deceased was fatal. From looking at the *smearing of the brain*, haemorrphage and the factures as seen over the scalp surface were severe enough to cause death. If immediate medical intervention is available, with proper intensive case management, chances of survival are possible. Chances of survival differ in different people because it depends on the type of bad injury, the type of damage and also if there are any predisposing medical problems. I do not think operations conducted in this particular case would have resulted in the death of the individual. C

D

[26] Kami menolak hujah TPR dalam isu ini. Kes *Loh Yoon Fatt* adalah mengenai 'fracture to the skull'. Keterangan Pathologist ('PW13') di atas jelas menyatakan:

... the head injury sustained by the dead was fatal. Looking from at the *smearing of the brain haemorrphage* and the *fracture* as seen over the scalp surface was severe enough to cause death. E

[27] Dalam rayuan di hadapan kami, keterangan Pathologist ('SP7') seperti yang dirujuk oleh peguam perayu dengan jelas tidak konklusif (rujuk ms 35–36 RR *Jld* 2) terutamanya di ms 36 RR *Jld* 2 di mana SP7 menyatakan: F

I think this is very clinical question and I think it would be better answered by specialist who are dealing with burns.

[28] Dalam nada yang sama, kami merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15; [2013] 2 MLRA 1 di mana penghakiman YAA Zulkefli Ahmad Makinudin HBM di ms 7 perenggan 20 menyatakan: G

[20] In the present case it is our view based on the nature of the injuries sustained by the deceased there was evidence of an intention on the part of the appellant to cause bodily injury to the deceased. However, we do not agree with the finding of the learned trial judge that based on the nature and number of injuries, the appellant had the intention to cause death to the deceased. We noted that both the learned trial judge and the Court of Appeal in their decision did not address themselves on the fine distinction between ss 299 and 300 of the Penal Code before coming to a correct conclusion. H I

[29] Atas alasan-alasan di atas, kami sebulat suara memutuskan bahawa sabitan di bawah s 302 Kanun Keseksaan adalah tidak selamat. Sebaliknya

keterangan adalah kukuh untuk sabitan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Kami mengetepikan sabitan dan hukuman hakim bicara di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan menggantikannya dengan sabitan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Setelah mendengar rayuan meringan dan memberatkan hukuman, kami sebulat suara menjatuhkan hukuman penjara selama 20 tahun berkuat kuasa dari tarikh tangkapan (hukuman maksima adalah 30 tahun penjara).

Sebahagian rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor